

088-252692  
KEW(S)100-4/1 Klt.3  
30 Ogos 2007

Setiausaha Kerajaan Negeri  
Semua Setiausaha Tetap Kementerian  
Semua Ketua Jabatan Negeri  
Semua Pegawai Daerah  
Semua Penolong Pegawai Daerah Kecil

**PEKELILING KEMENTERIAN KEWANGAN BIL. 6/2007  
PEMBAYARAN DIPERTANGGUNGKAN KEPADA AKAUN KENA BAYAR**

**Tujuan**

1. Surat Pekeliling ini adalah untuk memaklumkan tindakan sewajarnya yang perlu diambil untuk mengelakkan bayaran yang lewat dan mengurangkan jumlah pembayaran dipertanggungkan kepada Akaun Kena Bayar.

**Akaun Kena Bayar**

2. Akaun Kena Bayar merupakan jumlah pembayaran yang dipertanggungkan sehingga 31 Disember sesuatu tahun di mana bayarannya akan dibuat dalam bulan Januari tahun berikutnya.

**Pemerhatian**

3. Diperhatikan bahawa pembayaran perbelanjaan yang dipertanggungkan kepada Akaun Kena Bayar telah meningkat pada tahun-tahun yang lalu. Pada tahun 2006, ianya telah melebihi RM500 juta di mana 45% adalah merupakan jumlah perbelanjaan Pembangunan tahun 2006. Manakala 60% daripada pembayaran tersebut sepatutnya tidak dipertanggungkan kepada Akaun Kena Bayar kerana perbelanjaan telah dilakukan sebelum bulan November 2006. Keadaan ini telah menarik pemerhatian Jabatan Audit Negara dan telah dimasukkan dalam Laporan Audit Negara terhadap Penyata Akaun Awam Negeri Sabah bagi tahun berakhir 31 Disember 2006. Perkara ini berlaku adalah disebabkan kelemahan-kelemahan sesetengah Ketua-ketua Jabatan selaku pegawai pengawal dalam pengurusan kewangan dan akaun dan sekaligus membawa kesan negatif ke atas sistem penyampaian perkhidmatan menerusi tindakan-tindakan seperti berikut:

- 3.1 Arahan Perbendaharaan 103 tidak dipatuhi di mana semua bil untuk barang-barang dibeli atau Perkhidmatan (Kontrak) dilaksanakan tidak dibayar dalam sebulan (atau dalam 14 hari) dari tarikh ianya dibekalkan ataupun dilaksanakan.
- 3.1 Peruntukan yang telah diluluskan untuk dibelanjakan hanya dilakukan atau dilaksanakan pada hujung tahun;
- 3.2 Kelemahan dalam perancangan pelaksanaan dan penyelenggaraan rekod perakaunan, penyelarasan peruntukan, perbelanjaan/pembayaran dan tanggungan.

#### **Perhatian/Tindakan Ketua Jabatan/Pegawai Pengawal**

4. Untuk perhatian selanjutnya surat Perbendaharaan Malaysia ruj.: KK/BKP/10/2/79(7) bertarikh 16 Oktober 2006, yang menggariskan langkah untuk membuat bayaran sepenuhnya (100%) dalam tempoh 14 hari bagi kerja-kerja kontrak kelas F yang telah disiapkan dan mempunyai dokumen yang lengkap adalah panduan yang berguna. Di samping itu, Ketua Jabatan/Pegawai Pengawal dibenarkan membuat bayaran sebanyak 70% dalam masa 14 hari sekiranya didapati dokumen tidak lengkap dan baki 30% dibayar dalam tempoh 14 hari berikutnya untuk kerja-kerja yang telah disiapkan.

5. Memandangkan Kerajaan Negeri mengambil berat tentang kecekapan dalam Pengurusan Kewangan dan Akaun dan juga Sistem Penyampaian Perkhidmatan maka Kementerian ini meminta tindakan serta-merta diambil oleh semua Ketua Jabatan/Pegawai Pengawal untuk memastikan perkara tersebut tidak berlaku secara berterusan. Jika terdapat Pegawai Pengawal yang masih mempunyai Akaun Kena Bayar yang tinggi tanpa sebarang alasan munasabah akan diambil tindakan yang setimpal.

6. Oleh yang demikian, perhatian, kerjasama dan tindakan susulan yang teratur daripada semua Ketua Jabatan/Pegawai Pengawal adalah diminta untuk mencapai tujuan Surat Pekeliling ini.

Sekian, terima kasih.

**“JIMAT DAN PRODUKTIF”**

**(Datuk Hj. Yusoff bin Datuk Hj. Mohd. Kassim)**  
**Setiausaha Tetap**

s.k. Pengarah Audit Negeri Sabah  
Jabatan Audit Negara  
Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
Blok A, Aras 4, Jalan UMS/Sulaman  
**88450 KOTA KINABALU**

s.k. Bendahari Negeri  
Jabatan Bendahari Negeri  
**KOTA KINABALU**